

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN KOMPLEK IMIGRESEN
DI RANTAU PANJANG, KELANTAN
5 MARCH 2000

Patik dan isteri serta bagi pihak Kerajaan Persekutuan menjunjung kasih di atas keberangkatan tuanku berdua mencemar duli untuk merasmikan kompleks imigresen rantau panjang yang baru ini. Keberangkatan tuanku berdua memberi makna yang besar kepada patik semua khususnya kepada jabatan-jabatan yang menghuni kompleks yang tersergam indah ini.

2. Dengan siap terbinanya kompleks ini yang merupakan mercu tanda bagi pekan Rantau Panjang ini telah merubah rupa bentuk pekan ini dan diharap pekan Rantau Panjang akan membangun dengan pesatnya.

3. Patik percaya dan penuh yakin dengan perasmian kompleks ini, pekan Rantau Panjang akan bertambah makmur dan kompleks ini pasti akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pekan ini, memandangkan perkhidmatan yang diberi bertambah efisien di dalam keadaan suasana yang amat selesa, jika dibandingkan sebelum ini.

Ampun tuanku,

4. Kekerapan pelancong-pelancong datang ke negara ini bergantung kepada perkhidmatan yang diberi oleh agensi-agensi kerajaan yang memberi perkhidmatan untuk mereka di pintu-pintu masuk. Perkhidmatan yang efisien, mesra, lebih ramah serta bersedia membantu pelancong asing mempunyai kesan berganda (multiplying effect) yang boleh menambahkan lagi kemasukan pelancong, selain daripada negara ini menawarkan tempat-tempat menarik bagi para pelancong serta suasana masyarakatnya yang berbilang kaum dan agama.

5. Pos imigresen Rantau Panjang yang asal terletak di sebelah jambatan keretapi ke Thailand telah dibina pada awal tahun 1949 dan telah beroperasi selama 24 tahun sebelum berpindah ke pos imigresen yang lama yang terletak di atas di mana kita semua berada sekarang.

6. Pos imigresen Rantau Panjang yang lama ini telah mula beroperasi pada tahun 1973 sehinggalah pada bulan Mac 1999 apabila kompleks imigresen yang baru ini dibuka untuk beroperasi.

7. Dengan siapnya kompleks ini, maka laluan utama dari Thailand ke Pantai Timur Semenanjung akan bertambah selesa, bersistematik serta lebih mudah.

Ampun tuanku, mohon perkenan tuanku supaya dapat patik menyampaikan ucapan kepada yang hadir semua, ampun tuanku,

Yab Dato' Nik Aziz Nik Mat Menteri Besar Kelantan

Ahli-ahli yang berhormat ahli mesyuarat kerajaan

Ahli-ahli yang berhormat, tuan-tuan dan puan-puan,

8. Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahuwataallah kerana dengan izinnya kita dapat berhimpun disini pada pagi ini bagi menyaksikan upacara yang bersejarah bagi pekan Rantau Panjang khasnya dan negeri Kelantan Darul Naim amnya.

9. Dengan siapnya kompleks imigresen ini maka kesesakan yang kerap berlaku terutamanya pada hari kelepasan am atau hujung minggu telah dapat diatasi dan saya berharap jabatan-jabatan yang beroperasi di kompleks ini sentiasa meningkatkan kecekapan dan memberikan perkhidmatan yang mesra kepada orang ramai tetapi tegas di dalam melaksanakan peraturan. Jabatan imigresen telah menetapkan bahawa masa menunggu bagi pelepasan imigresen tidak melebihi 15 minit dan juga telah menetapkan masa untuk memproses pelepasan seseorang di kaunter imigresen selama 30 saat. Seperti amanat saya pada awal tahun ini, saya telah mencadangkan jabatan imigresen menetapkan aduan sifar sebagai matlamat tahun ini. Saya percaya matlamat ini boleh dicapai jika semua pihak berazam kuat dan berkerja sebagai satu pasukan. Anggaplah teguran dan cadangan dari orang ramai sebagai satu proses maklumbalas yang membina, positif dan ke arah penambahbaikan. Sebagai barisan hadapan pintu masuk negara, saudara-saudari terdedah kepada banyak cabaran dan dugaan. Oleh itu bertugaslah dengan penuh amanah dan setia serta tidak menyalahgunakan kuasa, mengelakkan rasuah dan penyelewengan.

Saudara-saudari,

10. Dari Januari-November tahun lalu, sejumlah 6.7 juta pelancong telah melawat negara ini, iaitu peningkatan 44.6% berbanding pada tahun 1998. Dari jumlah itu 630,639 pelancong telah masuk melalui kompleks ini. ini merupakan 6.70% dari keseluruhan jumlah bagi Malaysia. Saya percaya jumlah ini akan meningkat pada masa terdekat ini memandangkan banyak tempat yang menarik yang boleh dilawati oleh pelancong-pelancong. Daripada kajian yang telah dibuat peratus pelancong yang tinggal di negara ini adalah selama 5.5 hari dengan peratus berbelanja sebanyak US\$ 73.6 sehari. Ini adalah satu jumlah yang besar dari segi tukaran wang asing. Oleh itu aktiviti pelancong adalah penyumbang hasil kepada negara dan kerajaan berharap dengan adanya kompleks yang serba selesa dengan kemudahan yang ada ia akan meningkatkan lagi kemudahan pelancong ke negara ini.

11. Sempadan kita amat luas dan oleh itu saya berharap agensi-agensi penguatkuasaan kita hendaklah sentiasa meningkatkan rondaan bagi memastikan usaha-usaha membenters aktiviti penyeludupan dapat dikurangkan ataupun dilumpuhkan terutama di tepi Sungai Golok. Ini bagi memberi peluang kepada aktiviti-aktiviti perniagaan yang sihat dapat diwujudkan di kalangan peniaga-peniaga di kedua pekan sempadan ini.

12. Selain dari aktiviti ekonomi, perhubungan masyarakat di antara kedua belah pekan ini sudah tentu dapat dipereratkan lagi tambahan pula ramai di antaranya mempunyai perhubungan persaudaraan dan sejarah. Kunjung mengunjung di antara rakyat boleh ditingkatkan lagi kerana kemudahan yang sedia ada adalah selesa.

13. Akhir kata saya mengucapkan syabas kepada semua agensi yang terlibat yang telah berjaya menyiapkan kompleks ini sehingga ianya boleh beroperasi.

14. Sekian dan saya sudahi dengan ucapan wabillahi walhidayah wassallamualaikum warrahmatullahi.

Terima kasih.